

06 JUL 1998

MENTERI LUAR SUDAN TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

SEPANG, 6 Julai (Bernama) -- Menteri Hal Ehwal Luar Sudan Dr Mustafa Osman Ismail tiba di sini, hari ini, bagi lawatan rasmi lima hari ke Malaysia bertujuan memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Beliau diiringi oleh Gabenor Bank Negara Sudan Dr Sabir Mohmammed Elhassan, Pengarah Jabatan Asia di Kementerian Luar Sudan, Abdul Hafiz Ibrahim dan empat orang lagi.

Ketibaan Mustafa di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), di sini di sambut oleh Setiausaha Bahagian bagi Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Datuk Deva Mohamad Ridzam.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, semasa berada di sini Mustafa akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

-- BERNAMA

NHD PR